

## Bagaimana Cara Menyimpan Ubat Ini?

- Simpan dalam bekas kaca yang gelap dan sentiasa ditutup ketat.

Ubat GTN perlu disimpan pada suhu bilik, jauh daripada cahaya, suhu panas dan lembap.

- Sentiasa bawa ubat ini bersama-sama anda.
- Pastikan ahli farmasi memaklumkan tarikh luput ubat:

Patuhi tarikh luput pada pek ubat atau guna dalam tempoh 8 minggu selepas pek pertama kali dibuka (mana yang terdahulu). Catakan tarikh pek asal dibuka pertama kali. Jauhi ubat daripada **KANAK-KANAK**.

- Pulangkan ubat-ubatan yang berlebihan/telah luput ke farmasi di hospital/klinik kesihatan KKM.



## Perhatian:

- Beritahu doktor sekiranya anda mengambil ubat-ubatan lain, mempunyai alahan kepada ubat atau pernah mengalami kecederaan kepala.
- Elakkan memandu atau mengendalikan mesin selepas mengambil ubat ini.
- Warga emas mungkin lebih sensitif terhadap kesan ubat ini, terutamanya pening yang boleh menyebabkan risiko terjatuh.
- Sekiranya anda mengandung atau menyusukan anak, dapatkan nasihat daripada doktor sebelum mengambil ubat ini.

### PERHATIAN

SEGALA MAKLUMAT DALAM RISALAH INI ADALAH BERTUJUAN MENINGKATKAN KEFAHAMAN PESAKIT. SILA DAPATKAN NASIHAT YANG SESUAI DARIPADA DOKTOR ATAU AHLI FARMASI BERKENAAN MASALAH KESIHATAN DAN JUGA UBAT-UBATAN ANDA.



BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Lot 36, Jalan Universiti,  
46350 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.  
[www.pharmacy.gov.my](http://www.pharmacy.gov.my) • [www.knowyourmedicine.gov.my](http://www.knowyourmedicine.gov.my)  
Talian Bebas Tol: 1800-88-6722 (NPCC)

## Fakta Ubat Untuk Pesakit

# Tablet Sublingual Glyceryl Trinitrate (GTN)

